

05 APRIL 2018

## Bilal masjid disyaki pengedar dadah ditahan bersama heroin

### Bilal masjid disyaki pengedar dadah ditahan bersama heroin

**PENDANG** - Seorang bilal masjid yang disyaki mengedar dadah ditahan dalam operasi Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang diadakan di sekitar daerah ini kelmarin.

Dalam operasi dari pukul 8.30 malam kelmarin hingga pukul 5 pagi semalam, bilal yang berusia

38 tahun diberkas bersama lima penagih dadah di sebuah rumah dijadikan sarang penagihan dadah di Taman Sejahtera di sini.

Ketua Pegawai AADK Daerah Pendang, Ahmad Zaher Hamid berkata, bilal berkenaan ditahan bersama dadah dipercayai jenis heroin seberat 2.75 gram di ru-

mah tersebut.

"Bilal berkenaan diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut manakala lima penagih lain ditahan mengikut Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 oleh AADK," kata beliau dalam satu kenyataan semalam.

Bagaimanapun, Ahmad Zaher enggan mendedahkan maklumat lanjut mengenai bilal berkenaan.

Menurut beliau, dalam operasi yang disertai 10 anggota AADK Daerah Pendang itu, pihaknya turut menahan 16 lelaki lain disyaki penagih dadah dalam serbuan di Kubur Panjang,

Keda Tanjung Setol, Kampung Kubang Pisang, Kampung Pulau Machang dan Mukim Air Putih.

Katanya, kesemua yang ditahan berusia 18 hingga 43 tahun kemudian dibawa ke Pejabat AADK Daerah Pendang dan mereka positif dadah jenis ganja dan syabu.